



**TRANSKRIP WAWANCARA SEJARAH LISAN MENGENAI
PENGLIBATAN DAN PENGALAMAN ENCIK MAHAUDIN BIN ABDUL
RAHMAN DALAM OPS KOTA, KLIAN INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN**

DISEDIAKAN OLEH:

**SYAKILA BINTI MOHAMED ZAINUDIN
RAJA MUHAMMAD FIRDAUS BIN RAJA ARIFF**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
KURSUS IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
1.0 ABSTRAK.....	1
2.0 PENGENALAN	2-3
3.0 SEJARAH REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	4-11
3.1 IDENTITI PASUKAN REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	
3.2 PERANAN REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	
3.3 IDENTITI DISEBALIK LOGO REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	
3.4 LATIHAN – LATIHAN REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	
3.5 UNIT-UNIT BATALION TEMPUR REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	
3.5.1 BATALION INFANTRI STANDARD	
3.5.2 PARA	
3.5.3 MEKANIZE	
4.0 SEJARAH PENUBUHAN 23 REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	12-16
4.1 PENGENALAN PASUKAN	
4.1.1 LAMBANG	
4.1.2 LAGU PASUKAN	
4.1.3 WARNA BATALION	
4.1.4 COGAN KATA	
4.1.5 RAGAAAN BATALION	
5.0 SUMBANGAN 23 REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA	17
6.0 TOKOH TERKENAL REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA.....	18
6.1 Leftenan Adnan bin Saidi	
6.2 Leftenan Ibrahim Ali Ditta	
6.3 Koperal Yaakob bin Bidin	

PENGHARGAAN

Assalamualaikum, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat kami menyiapkan transkrip Dokumentasi Sejarah Lisan ini. Walaupun pelbagai cabaran yang kami terpaksa harungi kami rasa bersyukur dapat menyiapkan transkrip ini. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kami kepada Encik Mahaudin Bin Abdul Rahman di atas kesudian beliau untuk meluangkan masa bagi membolehkan kami menemu ramah beliau. Komitmen yang beliau berikan amat membantu kami dalam menyelesaikan transkrip wawancara ini.

Keduanya, kami ingin mengucapkan jutaan terima yang tidak terhingga kepada pensyarah kami Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman yang banyak memberikan tunjuk ajar yang berguna bagi membolehkan kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna serta mengikut standard yang dikehendaki. Begitu juga di atas kesudian beliau untuk memeriksa kesilapan pada soalan-soalan wawancara dan transkrip kami tanpa jemu.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih juga yang tidak terhingga kepada keluarga, dan semua sahabat yang tidak putus-putus memberi semangat dari segi mental dan fizikal sehingga siapnya transkrip wawancara bersama Encik Mahaudin Bin Abdul Rahman.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi sesi temubual bersama Encik Mahaudin Bin Abdul Rahman, mengenai penglibatan beliau dalam Ops Kota di dalam menangani keganasan yang melibatkan pengganas Parti Komunis Malaya yang telah berlaku di Klian Intan, Perak pada tahun 1989. Temubual dalam transkrip ini dilakukan di rumah beliau, 61 Kampung Batu Papan, Bandar Bera, Pahang pada hari Jumaat, 28 November 2014. Beliau merupakan seorang yang berhemat dan berkaliber dalam segala aspek serta komitmen tinggi dalam meningkatkan prestasi kerjayanya. Beliau juga merupakan seorang yang amat komited di dalam pasukan 23 Rejimen Askar Melayu Diraja. Beliau juga seorang yang peramah dan petah dalam melontarkan kata kata, setiap kata-kata yang diucapkan disertakan dengan asas yang kukuh. Disamping itu, beliau juga seorang tegas dalam membuat keputusan. Kandungan transkrip ini merangkumi tentang latar belakang kehidupan beliau, latar belakang keluarga beliau, sejarah pendidikan beliau, serba sedikit mengenai bidang yang beliau ceburi serta peranan beliau dalam Ops Kota khususnya. Setiap kata-kata dalam temubual ini diterangkan dengan terperinci dan teliti. Segala soalan yang diberikan diceritakan dengan benar dan tidak mengandungi unsur-unsur sensitif serta unsur-unsur mengaibkan pihak lain.

Kata kunci: 23 Rejimen Askar Melayu Diraja, Bandar Bera, Klian Intan, Ops Kota, Parti Komunis Malaya, Perak.

PENGENALAN

Sejarah lisan ialah satu proses merekod sejarah-sejarah yang berlaku melalui temuramah ke atas pihak yang menyaksikan, mengalami atau terlibat secara langsung dalam sesuatu peristiwa yang memberi impak kepada negara. Sejarah lisan penting bagi mendapatkan gambaran dan maklumat sebenar tentang satu perkara yang telah berlaku melalui sumber utama iaitu orang yang terlibat dengan peristiwa tersebut. Melalui sejarah lisan, dapat mengelakkan perubahan fakta atas kepentingan sesuatu entiti. Sejarah lisan dirakam menggunakan kaset bagi memelihara kandungan bahan tersebut. Ia memerlukan pihak penemuramah dan pihak yang ditemuramah. Tokoh atau saksi berkenaan mestilah mempunyai bukti yang sahih akan penglibatan mereka dalam peristiwa tersebut.

Saya Syakila binti Mohamed Zainudin bersama rakan saya, Raja Muhammad Firdaus bin Raja Ariff berminat untuk mengkaji peristiwa bersejarah yang telah memberi kesan yang mendalam kepada Encik Mahaudin Bin Abdul Rahman yang telah berlaku pada tahun 1982. Peristiwa yang bermula dengan penyusupan masuk unit 23 Rejimen Askar Melayu Diraja ke kawasan operasi di Klian Intan, Perak bagi membanteras pengganas Parti Komunis Malaya dan telah berakhir dengan kecederaan parah yang dialami perajurit unit 23 Rejimen Askar Melayu Diraja sewaktu tragedi tersebut. Peristiwa yang menyayat hati tersebut berlaku di sekitar hutan belantara Klian Intan, Perak. Operasi bagi membanteras aktiviti pengganas Parti Komunis Malaya tersebut dimulakan dan telah diberi nama Ops Kota yang melibatkan pasukan keselamatan negara seperti Pasukan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

Di sini kami mengupas kembali kejadian yang berlaku di Klian Intan, Perak tersebut. Kami berpeluang menemuramah seseorang yang memainkan peranan yang penting dalam Ops Kota yang bertujuan untuk membanteras kumpulan yang terlibat iaitu pengganas Parti Komunis Malaya. Beliau kini merupakan seorang pesara tentera dalam Pasukan 23 Rejimen Askar Melayu Diraja yang berpangkat Koperal iaitu Koperal (Bersara) Mahaudin Bin Abdul